



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/4/2011

## PGPF hantar kapal ke Semenanjung Gaza

KUALA LUMPUR 22 April - Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) bercadang untuk menghantar sebuah kapal bantuan yang membawa kelengkapan bagi memperbaiki sistem kumbahan di Semenanjung Gaza, Palestin.

Presidennya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana sistem kumbahan bagi rakyat Palestin telah dimusnahkan Israel sehingga air kumbahan tersebut mengalir ke

Laut Mediterranean dan boleh membawa penyakit kepada mereka yang mandi di laut berkenaan.

Menurutnya, PGPF tidak akan menggunakan khidmat kapal Rachel Corrie kerana ia tidak lagi milik yayasan dan akan mencari kapal lain bagi menggalas misi berkenaan.

"Kita mempunyai hasrat untuk membantu memperbaiki sistem kumbahan mereka supaya air ko-

tor berkenaan tidak lagi mengalir ke laut dan akan berusaha menghantar sebuah kapal bagi membawa kelengkapan itu," katanya tanpa menjelaskan mengenai tarikh sebenar penghantaran itu.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan PGPF yang menggantikan Pertubuhan Keamanan Global Perdana (PGPO) di Lobi Yayasan AlBukhary di sini hari ini.